

## **Taman Herba INSTUN**

8 Disember 2021 – Institut Tanah dan Ukur Negara telah mengadakan Majlis Perasmian Taman Herba INSTUN. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBrs. Puan Norehan binti Omar, Pengarah INSTUN. Taman Herba ini telah diilhamkan oleh Puan Pengarah INSTUN. Bagi merealisasikan hasrat YBrs. Puan Norehan binti Omar, Pengarah INSTUN, Seksyen Pentadbiran dengan kerjasama Seksyen Domestik telah membangunkan taman ini di ruangan hadapan Pejabat Domestik.

Terdapat lebih 30 spesis tanaman herba ditempatkan di Taman Herba INSTUN hasil kerjasama antara semua kakitangan di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan. Di antaranya ialah mas cotek, kunyit hitam, rosemary, ketumbar, sambung nyawa, daun kaduk, rama-rama, selasih, jarak, bunga talang, kemangi dan bidara.

Selain itu, taman ini juga dibangunkan bertujuan untuk memelihara 1 endid herba yang semakin mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat yang mengamalkan pemakanan yang sihat dan rawatan kesihatan alternatif secara tradisional. Di samping itu, ia juga berperanan memberi 1endidikan dan pengetahuan kepada pengunjung taman berkenaan tumbuhan herba. Bagi tujuan tersebut, taman ini dibangunkan untuk makluman dan manfaat bersama.



